

3 Quah pungut 3 emas

Ting Wen, Zheng Wen dan Jing Wen masing-masing rangkul emas dan catat rekod Sukan SEA

CLARK (Filipina): Hari pertama acara renang menyaksikan adik-beradik Quah – Ting Wen, Zheng Wen dan Jing Wen – masing-masing merangkul emas dengan memecahkan rekod masa Sukan SEA, kelmarin.

Jing Wen, 18 tahun, yang paling bongsu antara mereka bertiga, memenangi emas pertama dalam acara 200 meter kuak kupu-kupu wanita, lapor *The Straits Times*.

Beliau mencatat masa 2 minit 10.97 saat bagi menewaskan perenang Filipina, Remedy Alexis Rule (2:10.99) dengan pesaing dari Vietnam, Le Thi My Thao, berada di tempat ketiga dengan masa 2:12.70.

Zheng Wen kemudian memungut pingat emas acara 100m kuak lentang lelaki dalam masa 53.79 saat, satu rekod baru Singapura dan temasya sukan itu.

Le Nguyen Paul dari Vietnam (54.98) dan perenang Indonesia, Gede Siman Sudartawa (55.68), berada tidak jauh di belakangnya.

Dengan kemenangan itu, Zheng Wen berjaya melayakkan diri untuk Sukan Olimpik 2020.

Perenang berusia 23 tahun itu, yang terpaksa mengharungi kempen mengecewakan dalam kejohanan dunia Julai lalu, berkata:


“Selepas menyaksikan adik bongsu saya berenang dalam acara 200m kuak kupu-kupu dengan cemerlang, ia memberi saya semangat.

“Saya juga rasa lega dapat layak untuk ke Olimpik, tetapi buat masa ini saya tidak perlu khuatir tentangnya, meskipun tumpuan saya bukan terhadap acara sukan itu.

“Memang saya mahu ke Tokyo, tetapi sekarang saya mahu berikan tumpuan sepenuhnya untuk lima hari lagi dalam pertandingan ini.”

Pemenang 16 pingat emas Sukan SEA, Ting Wen, 27 tahun, pula menjuarai acara 100m gaya bebas wanita dengan rekod masa 54.74 saat.

Namun, beliau terlepas peluang layak ke Olimpik disebabkan cata-



tan masa yang diperlukan adalah 54.38 saat.

Rakan senegara, Cherlyn Yeoh, 18 tahun, berada di tempat kedua dengan masa 55.55 saat, diikuti dengan perenang Filipina, Jasmine Alkhaldi (55.76).

Zheng Wen kemudian berganding dengan Joseph Schooling, Jonathan Tan dan Darren Chua untuk memenangi acara 4x200 relay gaya bebas lelaki dalam masa rekod Sukan SEA 7:17.88, di hadapan Vietnam (7:21.51) dan Malaysia (7:27.55).

Ting Wen, yang gembira dapat berkongsi kemenangan itu dengan adik-beradiknya, berkata:

“Saya sangat bangga dengan adik lelaki saya (Zheng Wen), yang sebelum ini persembahannya tidak begitu baik sekitar dua tahun.

“Saya tahu beliau telah bekerja keras selama tiga bulan yang lalu. Saya sangat gembira untuknya.”

Ketua jurulatih Persatuan Renang Singapura, Gary Tan, turut melahirkan rasa gembiranya selepas pasukannya berpesta emas di Pusat Akuatik New Clark City.

Memuji persembahan adik-beradik Quah, beliau berkata:

“Ketiga-tiga mereka telah bere-nang buat masa yang lama dan kini prestasi mereka telah banyak meningkat.”

Namun, beliau menegaskan adalah terlalu awal untuk meramalkan jika pasukannya dapat mengatasi pencapaian 19 pingat emas yang dibawa pulang pada 2017.

Beliau berkata: “Pesaing kali ini mungkin lebih sengit. Kami menjangkakan cabaran yang hebat dari pasukan lain.

“Perenang Filipina sangat bagus dan Vietnam berada tidak jauh di belakang, jadi kita perlu sentiasa bekerja lebih keras.”

KELUARGA EMAS:
(Dari atas kiri, ikut putaran jam) Ting Wen, Zheng Wen dan Jing Wen, masing-masing berjaya membawa pulang pingat emas Sukan SEA untuk negara di Pusat Akuatik New Clark City kelmarin. – Foto-foto EPA-EFE



Dunia DIGITAL

Langgani pakej istimewa tablet Samsung BH

Berita Harian
REKRUT
MENGENAI PERKARA AKTA SYARIKAT, BAB 50 DAN MENGENAI PERKARA LIBRA BUILDING CONSTRUCTION PTE LTD